Najib potong subsidi minyak rakyat 22% setahun, kroni IPP dibiar terus kaut untung

Keadilan Daily – 4 Sept 2013

Pengumuman kenaikan harga minyak sebanyak 20 sen bagi RON95 dan diesel sewajarnya ditolak oleh rakyat seperti yang banyak disuarakan di laman-laman sosial dan media. Kenaikan ini membebankan rakyat terbanyak dan dijadikan alasan oleh Dato' Seri Najib Tun Razak untuk menutup kegagalannya mentadbir ekonomi negara dengan baik.

Perkembangan-perkembangan terbaru ekonomi serantau dan kedudukan kewangan negara yang semakin lemah telah menimbulkan pelbagai keraguan yang negatif terhadap kemampuan Datuk Seri Najib Razak sebagai Perdana Menteri dan Menteri Kewangan. Ini termasuklah:

1. Laporan Fitch yang menuruntarafkan prospek ekonomi negara menjadi negatif, iaitu kali pertama ia berlaku dalam sejarah negara melihatkan kadar keberhutangan negara yang semakin tinggi tanpa ada jalan penyelesaian dari Datuk Seri Najib Razak

2. Matawang ringgit telah hilang nilainya dan susut secara mendadak dalam tempoh sebulan yang lepas

3. Pertumbuhan ekonomi yang tidak mencapai sasaran sejak 15 tahun berturut-turut

Apa yang dituntut oleh rakyat, pasaran, pelabur dan juru analisa adalah satu pelan ekonomi yang menyeluruh yang menangani tiga masalah utama ekonomi negara iaitu:

1. Keberhutangan kerajaan yang melampau sehingga menjejaskan masa depan kewangan negara

2. Keborosan kerajaan yang tidak kenal penghujung sehingga berbelanja melebihi pendapatan (belanjawan defisit) selama 15 tahun berturut-turut

3. Daya saing ekonomi negara yang semakin malap kerana dasar-dasar kerajaan yang menggalakkan rasuah, penyelewengan, kurang daya kreativiti dan tiada tambah nilai

Sebaliknya, Dato' Seri Najib Tun Razak hanya mengambil jalan pintas dengan memotong subsidi rakyat yang kesannya kepada ekonomi negara tidak seberapa berbanding dengan perbelanjaan yang lain termasuklah subsidi korporat yang lebih besar nilainya.

Fakta-fakta ekonomi membuktikan bahawa tindakan menaikkan harga minyak tidak akan menyelesaikan masalah ekonomi negara yang kian parah di bawah pentadbiran beliau dan tidak adil kepada rakyat:

1. Belanja subsidi lain lebih besar dan subsidi korporat wajar dipotong dahulu sebelum subsidi rakyat

Seperti yang diumumkan Dato' Seri Najib Tun Razak, kenaikan harga minyak akan menjimatkan subsidi minyak tahunan sebanyak RM3.3 bilion dalam tahun 2014 ke atas. Beliau juga mengumumkan bahawa anggaran jumlah subsidi yang ditanggung tahun depan (berikutan kenaikan harga minyak ini) adalah RM24.8 bilion.

Setiap tahun, anggaran jumlah penggunaan petrol dan diesel adalah sebanyak 10 bilion liter (petrol) dan 6.5 bilion liter (diesel) . Pada kadar subsidi sebanyak 83 sen bagi seliter petrol dan RM1 bagi seliter diesel, jumlah subsidi petrol dan diesel adalah sebanyak RM14.8 bilion setiap tahun, iaitu hanya 59% dari jumlah subsidi bahan api yang dibelanjakan kerajaan.

Sejumlah RM10 bilion subsidi (atau 41% peratus) setiap tahun adalah subsidi gas dan LPG yang ditanggung oleh kerajaan. Ini tidak termasuk anggaran subsidi gas kepada penjana bebas (IPP) sebanyak sekitar RM8 bilion setiap tahun.

Ini bermakna, subsidi korporat yang diberikan melalui subsidi gas kepada industri dan penjana bebas (dianggarkan sekitar RM13 bilion setiap tahun) adalah hamper sama dengan subsidi petrol dan diesel yang diberikan kepada rakyat.

Sebab itu, KEADILAN bertegas bahawa kita menentang sebarang kenaikan harga minyak selagi subsidi korporat (dalam bentuk subsidi gas kepada industri dan penjana bebas) tidak distrukturkan semula kerana adalah tidak adil menghukum rakyat kebiasaan yang sudah pun bergelut dengan kesempitan kewangan sedangkan kroni dan sektor korporat tidak disentuh langsung.

Tindakan Dato' Seri Najib Tun Razak menaikkan harga minyak sebanyak 20 sen adalah bersamaan memotong subsidi minyak rakyat sebanyak 22% setahun, sedangkan penjana bebas yang kaya terus menikmati subsidi korporat.

2. Rakyat golongan sederhana dan miskin paling terkesan dengan kenaikan harga minyak

Pendapatan dan perbelanjaan setiap isirumah adalah berbeza-beza mengikut taraf sosioekonomi keluarga. Mengikut kajian yang dibuat oleh MIER dan berdasarkan Kajiselidik Belanja Isirumah 2009/10, anggaran perbelanjaan untuk petrol dan diesel mengikut kategori pendapatan keluarga adalah seperti berikut:

Pendapatan bulanan isirumah (RM)	% belanja isirumah membiayai petrol dan diesel
<500	35
500 – 1,000	27
1,000 – 2,000	25
2,000 – 3,000	22

3,000 – 4,000	20
> 4,000	10

Ini bermakna, keluarga yang berpendapatan rendah dan sederhana secara puratanya membelanjakan lebih banyak pendapatan mereka setiap bulan untuk membiayai petrol dan diesel (oleh kerana pendapatan mereka lebih rendah dan bahan api adalah keperluan). Oleh itu, kenaikan harga minyak sudah tentu menekan keluarga berpendapatan rendah dan sederhana kerana jumlah tanggungan tambahan setiap bulan adalah besar berbanding pendapatan bulanan mereka.

KEADILAN menganggarkan secara purata sebuah isirumah yang mempunyai sebuah kereta menggunakan sebanyak 313 liter petrol atau diesel setiap bulan . Kenaikan harga minyak sebanyak 20 sen sudah tentu akan menambah secara purata perbelanjaan tambahan sebanyak RM63 sebulan atau RM752 setahun.

Jumlah ini adalah besar dan benar-benar akan membebankan keluarga berpendapatan rendah dan sederhana.

3. Bantuan BR1M tidak memadai dengan kenaikan belanja dan tidak menyelesaikan kepincangan ekonomi negara

Janji Dato' Seri Najib Tun Razak bahawa penjimatan dari kenaikan harga minyak ini akan digunakan untuk menyalurkan BR1M yang lebih tinggi adalah tidak bertanggungjawab.

Pertamanya, jumlah BR1M (kalau pun dinaikkan nilainya) tidak berpadanan dengan tanggungan belanja setiap isirumah. Selain dari belanja petrol dan diesel yang meningkat sebanyak RM752 setahun (yang nilainya lebih tinggi dari BR1M), setiap isirumah juga terpaksa berhadapan dengan masalah kenaikan harga barang secara keseluruhannya akibat inflasi. Jumlah tanggungan adalah jauh lebih tinggi dari nilai RM500 BR1M yang ditawarkan.

Keduanya, hanya sebahagian rakyat Malaysia yang menerima BR1M iaitu sekitar 40% isirumah, sedangkan 40% lagi golongan sederhana yang turut terkesan tidak mendapat sebarang bantuan.

Lebih membimbangkan, pendekatan mengagihkan bantuan melalui BR1M bersifat politik yang boleh mewujudkan budaya pergantungan di kalangan rakyat termiskin sedangkan yang mereka perlukan adalah subsidi yang menurunkan kos sara hidup, pendidikan dan peluang pekerjaan yang baik yang membebaskan mereka dari perangkap kemiskinan.

4. Harga minyak mentah secara puratanya menunjukkan pola penurunan sejak kenaikan minyak kali terakhir (Disember 2010)

Kenaikan harga petrol dan diesel pada kali ini adalah pertama kalinya dibuat pada masa harga minyak mentah secara puratanya menunjukkan pola penurunan.



Harga minyak mentah Brent (dalam USD setiap tong)

Sebelum ini, Barisan Nasional sering memberi alasan bahawa harga petrol dan diesel terpaksa dinaikkan oleh kerana harga minyak mentah yang meningkat membebankan negara. Namun, sejak April 2011, sebenarnya harga minyak mentah telah mencatatkan pola penurunan dalam tempoh dua tahun.

Tidak pernah sekali pun harga petrol dan diesel diturunkan apabila harga minyak mentah ini menurun di pasaran dunia. Sepatutnya pola penurunan itu memungkin kerajaan berjimat kerana belanja subsidi petrol dan diesel stabil. Peluang itu disia-siakan dan sebaliknya akibat keborosan, Dato' Seri Najib Tun Razak mengumumkan kenaikan harga petrol dan diesel pada ketika harga minyak mentah dunia menunjukkan penurunan dalam tempoh 2 tahun yang lepas.

Berdasarkan 4 fakta-fakta ekonomi di atas, KEADILAN percaya bahawa Dato' Seri Najib Tun Razak telah membelakangkan kepentingan rakyat.

Oleh kerana beliau bertanggungjawab di atas keputusan ini, maka wajarlah beliau jua meredakan kemarahan rakyat dengan mengambil tindakan-tindakan berikut:

1. Mengumumkan kepada rakyat bahawa tidak ada lagi sebarang kenaikan harga atau tariff yang lain dalam tempoh satu tahun bermula dari hari ini

2. Mengarahkan bahawa semua Menteri dan Timbalan Menteri membayar sendiri petrol dan diesel yang selama ini ditanggung oleh kerajaan dengan memansuhkan kemudahan petrol dan diesel berbayar

3. Membenarkan YB Khairy Jamaluddin berdebat dengan wakil KEADILAN mengenai isu ini kerana sudah pasti YB Khairy Jamaluddin sedia berdepan sekiranya tidak disekat oleh Umno, sepertimana kesudian beliau dalam isu PTPTN dulu